

**MAJLIS PERASMIAN PEJABAT SEKRETARIAT LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA DI KUCHING,  
SARAWAK**

Kuching, 30 Julai 2022: Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah merasmikan pejabat Sekretariat Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) di Jabatan Kerja Raya, Kuching, Sarawak pada hari ini.

Pembukaan pejabat sekretariat LJM di Sarawak dengan peruntukan kos sebanyak RM70,000.00 ini membolehkan LJM menjalankan fungsinya dengan lebih efisien serta menyediakan perkhidmatan sokongan pentadbiran dan kemudahan yang lebih efektif kepada fraterniti kejuruteraan serta orang awam di Sarawak.

“Pejabat Sekretariat LJM ini akan mempercepatkan lagi urusan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran Orang Berdaftar serta syarikat amalan perunding kejuruteraan; penyiasatan dan percabaran kes disiplin, kursus pembangunan profesional berterusan atau CPD, program CSR serta lain-lain lagi” kata Dato' Sri Haji Fadillah.

“Langkah ini adalah merupakan salah satu aspirasi jangka panjang menyokong Konsep Keluarga Malaysia bagi membantu memulihkan negara dari segi ekonomi bagi mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi melalui sektor kejuruteraan serta menyatupadukan rakyat Wilayah Sarawak serta Semenanjung dengan komunikasi lebih efisien” tambah Fadillah. Bulan Ogos tahun ini, genaplah 50 tahun usia LJM. Sesuai dengan usianya, LJM telah melalui banyak fasa perubahan, penambahbaikan dan peneguhan di sepanjang 50 tahun kewujudannya. Dengan penubuhan Pejabat Sekretariat LJM di Wilayah Sarawak, LJM buat julung kalinya melebarkan sayap dengan meluaskan perkhidmatan fizikalnya ke Sarawak. Untuk rekod, sehingga 29 Julai 2022, LJM hanya beroperasi daripada pejabatnya di Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur.

Dato' Sri Haji Fadillah turut merasmikan logo ulang tahun ke-50 LJM pada majlis yang sama. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Yang Dipertua, Lembaga Jurutera Malaysia, Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman dan Pengarah Jabatan Kerja Raya Sarawak, Ir. Richard Anak Tajan.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Komunikasi, Lembaga Jurutera Malaysia

